

Cadangan Kesetaraan untuk Prestasi Cemerlang Staf Akademik UNIMAS mulai Tahun 2023

Sharifah Norsyamsyina bt Wan Mahli <wmsnorsyamsyina@unimas.my>

Mon 20/02/2023 17:51

To:Academicians <academicians@unimas.my>

Cc:Ahmad Hata bin Rasit <rahata@unimas.my>;Wan Hashim bin Wan Ibrahim <wiwhashim@unimas.my>;Azlan bin Ramli <razlan@unimas.my>;Zuraidah bt Abas <azuraida@unimas.my>;Wan Abdul Rahman bin Wan Bujang <wbwarahman@unimas.my>;Murniza bt Aziz <amurniza@unimas.my>;Flora Bungan Balang <bflora@unimas.my>;Mahani bte Huja Husin <hhmahani@unimas.my>;Roziah binti Sakup <sroziah@unimas.my>;Asfalela Bt Roslee <asfalela@unimas.my>

1 attachments (279 KB)

Penilaian Prestasi Akademik - Pindaan Penerbitan 2023.pdf;

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YBhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Datu/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

UNIMAS komited dalam menyemarakkan usaha pembudayaan dan pemantapan penyelidikan dan inovasi di kalangan staf akademik UNIMAS. Seperti sedia maklum, komponen wajib syarat minimum sedia ada untuk mendapat pencapaian prestasi cemerlang bagi penilaian prestasi akademik adalah seperti maklumat berikut:



Tuntutan semasa dalam skop penyelidikan dan inovasi telah tidak lagi beroperasi seperti biasa di Universiti. Malah, beberapa perubahan dan pendekatan baharu telah diperkenalkan dan dimantapkan oleh pihak pengurusan Universiti dalam memastikan semangat dan komitmen penyelidikan dan inovasi disuburkan dan berjalan seiring dengan tuntutan semasa.

Dalam meneruskan sokongan kepada usaha dan komitmen penulisan ilmiah oleh para penyelidik, di samping meningkatkan penarafan Universiti, **perubahan kriteria**

penerbitan untuk prestasi cemerlang staf akademik UNIMAS telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Bil.05/2022 ke-61 pada 7 November 2022 untuk diguna pakai bagi penilaian prestasi staf akademik mulai tahun 2023 seperti di lampiran untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

Cadangan pengemaskinian ini merupakan merupakan perubahan Komponen Penerbitan dalam kriteria penilaian Prestasi Akademik sedia ada seperti yang digunakan pada masa ini iaitu Pekeliling Pentadbiran (Bilangan 30 Tahun 2019) - Penambahbaikan Kriteria Penilaian Prestasi Kumpulan Akademik.

Sekian, terima kasih & salam hormat.

